

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KESEBELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 8 Jun 2004

SOALAN

YB DATO' MOHD SARIT BIN YUSOH (TEMERLOH) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan memandangkan Dasar Sosial Negara (DSN) telah dilancarkan pada Ogos 2003, sejauh manakah pelaksanaannya hingga kini. Apakah jaminan ia tidak akan menjadi dasar 'kelas dua'; berbanding dasar-dasar ekonomi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua, Dasar Sosial Negara (DSN) telah dilancarkan dengan rasminya oleh Kerajaan pada 19 Ogos 2003. Pelaksanaannya hingga kini boleh dilihat dari pelbagai aspek. Dari aspek menggerakkan Jentera Penyelarasan Pelaksanaan, sukacita saya memaklumkan di sini bahawa Jentera Penyelarasan Pelaksanaan di peringkat Persekutuan iaitu Majlis Sosial Negara (MSN), Jawatankuasa Pembangunan Sosial Negara (JPSN) dan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Sosial Peringkat Kementerian (JKPSK) telah mengadakan mesyuarat masing-masing dengan membuat beberapa keputusan termasuk meneliti Pelan Tindakan Dasar Sosial Negara. Jentera Penyelarasan Pelaksanaan di peringkat negeri iaitu Majlis Pembangunan Negeri dan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negeri telah diberikan taklimat mengenai DSN dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Manakala Jentera Penyelarasan Pelaksanaan di peringkat daerah iaitu Jawatankuasa Kerja Pembangunan Daerah telah diberikan maklumat dan penerangan berkaitan pelaksanaan DSN di peringkat daerah. Di peringkat komuniti telah diwujudkan 47 Pusat Rujukan Sosial (PRS) secara perintis di seluruh negara sebagai pusat perkhidmatan bagi masyarakat di peringkat akar umbi untuk mendapatkan maklumat dan nasihat mengenai perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan dan bukan kerajaan. Tuan Yang Di Pertua, Dari aspek latihan, sebanyak 22 bidang latihan berkaitan kandungan DSN dan Sistem Pengurusan PINTAS (Pelan Induk Tindakan Sosial) telah dijalankan secara berperingkat-peringkat. Pada peringkat awal, program latihan telah diaturkan kepada pegawai-pegawai kerajaan dan sukarelawan yang terlibat secara langsung dengan pengendalian Pusat Rujukan Sosial (PRS) di peringkat komuniti. Tuan Yang Di Pertua, Kesimpulannya, DSN adalah dasar payung bagi sektor sosial dan akan terus menjadi dasar yang penting bagi pelaksanaan dan pengurusan pembangunan sosial, setanding dan seiring dengan pembangunan ekonomi untuk menghasilkan kemajuan masyarakat yang mantap dan seimbang di negara ini.

